



PENGGUNAAN FACEBOOK PAGE UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS DALAM KALANGAN KOMUNITI TVET

Seri Bunian Mokhtar¹, Azizah Haron @ Hassan², Kamarudin Yunus³

^{1,2,3}Politeknik Ungku Omar, Malaysia

¹mseribunian@yahoo.com

²zzharun13@gmail.com

³dodinyunus@gmail.com

Abstrak: Projek tahun akhir (FYP) adalah satu kursus yang memerlukan maklumat terkini, isu terkini dan interaksi terpantas secara kolobaratif. Facebook merupakan platform popular yang boleh memudahkan aktiviti pembelajaran atas talian. Satu Facebook Page (FB Page) telah dibangunkan untuk kursus projek tahun akhir dan digunakan untuk menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan kursus dan memberi peluang untuk meningkatkan kemahiran menulis kajian dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi pengguna terhadap penggunaan FB Page yang dibangunkan sebagai sumber pembelajaran. Untuk mengkaji persepsi pengguna terhadap kursus FYP di halaman Facebook, data telah dikumpulkan melalui soal selidik dan melalui cerapan aktiviti FB Page yang diperolehi dari statistik harian yang dikeluarkan oleh FB. Cerapan aktiviti pada FB Page telah diambil pada Jun 2020 sehingga Jun 2022, kira-kira lebih 1 tahun penggunaan FB Page tersebut. Soal selidik telah disediakan kepada 12 pelajar yang mengambil FYP semester 5 Sesi Jun dan Disember 2019, yang mana mereka diminta untuk melengkapannya dan menyerahkannya kepada penyelia FYP. Soal selidik terdiri daripada 5 konstruk iaitu Sikap terhadap pembelajaran kemahiran menulis kajian melalui FB, Persepsi peningkatan kemahiran menulis kajian melalui FB, Pembelajaran kolaboratif, Niat Menggunakan Media Sosial dan Kepuasan Pengguna. Semua analisis telah dijalankan menggunakan pakej perisian statistik IBM SPSS versi 21. Dapatkan kajian menunjukkan FB Page ini berpotensi untuk menggalakkan pembelajaran kolaboratif dan meningkatkan kemahiran menulis penyelidikan dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: Pembelajaran kolaboratif, Pembelajaran teradun, Media Sosial

1. Pengenalan

Institusi pengajian tinggi perlu merancang pendekatan pembelajaran yang merangkumi semua keadaan dan mampu menyampaikan ilmu kepada pelajar tanpa mengira jarak atau halangan sempadan. Untuk mengekalkan dan membina kemampanan dalam pendidikan semua jenis sumber pembelajaran perlu diterapkan dan digunakan dalam sistem pendidikan kita. Persaingan antara



institusi pendidikan dikira sebagai penggerak kepada bentuk pendidikan masa hadapan. Oleh itu institusi pengajian tinggi khususnya Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET) mesti bersaing antara satu sama lain untuk menarik lebih ramai pelajar yang ingin belajar di peringkat pendidikan tinggi. Kualiti pendidikan tinggi merupakan faktor penting bagi pembangunan sesebuah negara, kerana institusi pendidikan tinggi merupakan tempat di mana golongan profesional dilatih. Walaupun terdapat persaingan dalam hasil seperti penyelidikan dan inovasi, pendidikan tinggi juga dijangka memberikan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Keterangkuman semua medium pembelajaran mesti diutamakan untuk menangani kesan normal baru semasa dan selepas pandemik. Ini akan membawa kepada tonggak pembangunan mampan iaitu menstabilkan impak sosial dalam kalangan generasi muda.

Perkembangan pesat teknologi dan integrasi teknologi moden ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran membawa kepada penilaian dan penambahbaikan pendidikan (Ataie, Shah, & Mior Nazir, 2015). Pembaharuan pendidikan perlu memupuk kebolehan pembelajaran kolaboratif dalam kalangan komunitinya (Ataie, Shah, & Mior Nazir, 2015; Han, & Ellis, 2021). Komuniti terdiri daripada pengajar dan pelajar boleh bekerjasama, berkomunikasi, berkongsi pengetahuan, dan membantu antara satu sama lain untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang subjek dengan menggunakan alatan dalam talian (Ataie, Shah, & Mior Nazir, 2015). Pembelajaran kolaboratif berasaskan web boleh membantu meningkatkan kebolehan kendiri pelajar, pembelajaran sepanjang hayat, dan meningkatkan kesedaran dan pemikiran kritis, moral dan etika profesional mereka (Ataie, Shah, & Mior Nazir, 2015). Kajian yang dijalankan oleh Jamal Abdul & Nawab (2020) mendedahkan bahawa media sosial dalam talian yang digunakan untuk pembelajaran kolaboratif mempunyai kesan yang signifikan terhadap interaktiviti dengan rakan sebaya, guru dan tingkah laku perkongsian pengetahuan dalam talian. Oleh itu, penyedia pendidikan TVET tanahair mesti membawa perubahan untuk mengoptimumkan kecekapan dan keberkesanan untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada masyarakat.

Pembelajaran teradun pula dilihat mampu mengintegrasikan pelbagai media untuk menyampaikan bahan pengajaran kepada pelajar dan penggunaan semakin berleluasa dalam pendidikan (Zheng, et al, 2021; Bayyat, 2020). Facebook ialah tapak web yang membolehkan pengguna berinteraksi dan bekerjasama dalam komuniti maya. Selalunya dipanggil laman rangkaian sosial, Facebook ialah alat komunikasi dalam talian yang membolehkan pengguna membina profil awam atau peribadi untuk berhubung dan berinteraksi dengan orang yang merupakan sebahagian daripada rangkaian sosial mereka. Aldahdouh, Nokelainen & Korhonen (2020) juga menekankan tentang kelebihan media sosial di mana mereka bersetuju bahawa laman media sosial mewakili inovasi terkini yang bertujuan untuk memupuk komunikasi dan kerjasama secara besar-besaran. Algomaizy, Hamad & Sharadgah, Talha (2020) berpendapat bahawa media sosial seperti Facebook popular di kalangan orang ramai, pelajar pengajian tinggi dan pendidik serta mempunyai beberapa ciri pedagogi dan sosial, yang memberikan kelebihan yang hampir sama dengan Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP).

Sebahagian besar kajian menunjukkan bahawa pelajar menggunakan Facebook untuk menyokong kedua-dua matlamat akademik dan sosial mereka (Giannikas, 2020; Mark & William, 2021). Sejak diperkenalkan pada 2004, Facebook telah menjadi laman rangkaian sosial paling popular di dunia



dengan pantas dan statistik menunjukkan 2.93 bilion pengguna aktif bulanan setakat suku pertama 2022 dan ini bermakna Facebook ialah rangkaian sosial terbesar di seluruh dunia. Walaupun dikenali terutamanya untuk aktiviti rangkaian sosial, Facebook dengan cepat diiktiraf sebagai platform e-pembelajaran yang dikenali. Kajian terdahulu juga melaporkan tentang kesan positif penyepaduan media sosial ke dalam sumber teknologi pembelajaran (Al-Daihani, et al, 2018; Algomaizy et al, 2020).


Pendidikan pengajian tinggi perlu memberi tumpuan kepada teknologi yang disepadukan ke dalam persekitaran pembelajaran yang boleh membawa ke arah meningkatkan kemahiran. Projek tahun akhir (FYP) adalah satu kursus yang memerlukan maklumat terkini, isu terkini dan interaksi terpantas secara kolobaratif. Penyeliaan FYP akan lebih mudah dijalankan apabila terdapat pelbagai sumber yang memudahkan pencarian maklumat berkaitan dengan FYP. Contoh dan keadaan penulisan yang mudah difahami dapat membantu pelajar dalam menjanaan idea baru serta mudah dicapai secara atas talian. Penggabungan *Facebook* (FB) ke dalam sumber pembelajaran kursus FYP boleh memberi kesan kepada kepuasan pengguna terhadap penyampaian kursus, kerana mereka dapat menyepaduan keperluan akademik dengan platform rangkaian sosial yang lazim digunakan. Memandangkan tiada FB platform yang dibangun sebelum ini untuk memudahkan komuniti penyelidikan TVET, maka satu laman *FB page* telah dibangun untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan komuniti TVET. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk menilai persepsi pengguna menggunakan laman Facebook yang ditetapkan sebagai sumber pembelajaran dalam meningkatkan kemahiran menulis kajian dalam kalangan komuniti TVET.

2. Metodologi

Terdapat 2 fasa dalam membangunkan kajian ini. Fasa pertama adalah fasa pembangunan laman FB menggunakan *FB Page*. Manakala fasa kedua menentukan tahap persepsi penggunaan laman web yang dibangunkan dalam kalangan pelajar.

Fasa 1: Pembangunan *FB page*


- i. Mula dengan ‘Create A Page’. Pastikan log masuk ke dalam akaun *facebook* peribadi dahulu. Kemudian klik pada pilihan ‘Create’ yang tertera pada bar menu atas dan pilih ‘Page’.
- ii. Lengkapkan ‘*Page Info*’
FB page kini sudah tersedia dan berjaya diwujudkan. Namun begitu, pengguna *facebook* yang berkunjung ke *page* anda akan memerlukan beberapa maklumat tambahan penting yang berkaitan dengan *FB page* tersebut seperti *URL website*, nombor telefon untuk dihubungi, dan sebagainya. Semua maklumat tersebut boleh diperbaharui melalui ‘*edit page info*’.



Rajah 1. Profil FB Page

iii. Muatnaik Post

Setelah FB Page ini diujudkan maka Post berkaitan dengan penulisan bolehlah dimuatnaik dan dimaklumkan kepada pelajar untuk mengikuti post tersebut. Post yang dimuatnaik berbentuk video, penerangan ringkas tentang penulisan, contoh tajuk kajian, format penulisan, kaedah kajian dan sebagainya seperti Rajah 2.



Rajah 2. Post dalam FB Page



Fasa 2: Menentukan persepsi penggunaan

Untuk mengkaji persepsi pengguna terhadap kursus FYP di halaman Facebook, data telah dikumpulkan melalui soal selidik dan melalui cerapan aktiviti FB Page yang diperolehi dari statistik harian yang dikeluarkan oleh FB. Cerapan aktiviti pada FB Page telah diambil pada Jun 2020 sehingga Jun 2022, kira-kira lebih 1 tahun penggunaan FB Page tersebut. Soal selidik telah disediakan kepada 12 pelajar yang mengambil FYP semester 5 Sesi Jun dan Disember 2019, yang mana mereka diminta untuk melengkapannya dan menyerahkannya kepada penyelia FYP. Soal selidik terdiri daripada 5 konstruk dan tertumpu kepada Sikap terhadap pembelajaran kemahiran menulis penyelidikan melalui FB (Abu Sa'aleek, 2015), Persepsi peningkatan kemahiran menulis penyelidikan melalui FB (Abu Sa'aleek, 2015), Pembelajaran kolaboratif (So & Brush , 2008), Niat Menggunakan Media Sosial (Kim, 2011), Kepuasan Pengguna (Kim, 2011). Semua analisis telah dijalankan menggunakan pakej perisian statistik IBM SPSS versi 21. Taburan kekerapan dikira untuk setiap item daripada soal selidik.

3. Dapatkan

3.1 Statistik Aktiviti FB Page

Statistik penggunaan FB Page ini seperti dalam Jadual 1 yang menunjukkan statistik untuk jumlah *Like* dan juga *Follower*. Jadual 2 pula menunjukkan jumlah capaian post FB oleh pengguna manakala Rajah 3 menunjukkan contoh post tentang penulisan kajian kepada pengguna.

Jadual 1. Statistik untuk jumlah *Like* dan juga *Follower*

Jumlah <i>follower</i>	765
Jumlah <i>likes</i>	668

Jadual 2. Jumlah capaian dari Jun 2020 hingga Jun 2022

Jenis	Purata capaian
Capaian	2847
Page visit	1932



The collage consists of four screenshots from a Facebook group named "Research Community for Polytechnic".

- Post 1:** A post from 8 December 2021 with 1 like. It contains a long text about research writing tips and several screenshots of Microsoft Word documents showing different types of research papers or templates.
- Post 2:** A post from 1 August 2018 with 1 like. It links to a Google Doc titled "BORANG SOAL SELIDIK PELAJAR TAHAP KEMahirAN GENERIK" from FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.
- Post 3:** A post from 5 May 2021 with 1 like. It discusses research methodology and includes a screenshot of a research paper abstract and its methodology section.
- Post 4:** A post from 24 May 2021 with 1 like. It discusses research methodology and includes a screenshot of a research paper abstract and its methodology section.

Rajah 3. Contoh Post



3.2 Persepsi Pengguna terhadap *FB page*

Jadual 3 menunjukkan persepsi pengguna terhadap *FB page* yang dibangunkan. Analisis menunjukkan purata semua 5 pembolehubah lebih tinggi daripada 4.00.

Jadual 3. Persepsi Pengguna terhadap *FB page*

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Sikap terhadap pembelajaran kemahiran menulis penyelidikan melalui <i>FB page</i>	4.35	0.22	Tinggi
Persepsi peningkatan kemahiran menulis penyelidikan melalui <i>FB page</i>	4.25	0.35	Tinggi
Pembelajaran kolaboratif	4.08	0.38	Tinggi
Niat Menggunakan Media Sosial	4.25	0.43	Tinggi
Kepuasan Pengguna	4.12	0.53	Tinggi

Manakala Rajah 4 menunjukkan ulasan yang diberikan oleh pengguna *FB page* yang dibangunkan. Rata-rata ulasan yang diberikan sangat positif dan hampir semua ulasan yang diperolehi mengakui bahawa *FB page* yang dibangunkan untuk FYP dapat membantu mereka dalam penulisan cadangan penyelidikan.

The screenshot displays two separate Facebook news feeds. The left feed shows reviews from Azura Abdullah, Masturi Marzuki, and Chibi Marukuchan. Azura Abdullah recommends the page for being helpful to students. Masturi Marzuki says she will recommend it. Chibi Marukuchan provides a link to a post that helps students in Civil Engineering at PUO. The right feed shows reviews from Syuhada Sofian, Lele No, and Ekhsan Akmal. Syuhada Sofian and Lele No both say the page is good for getting information about final year projects. Ekhsan Akmal describes it as a very helpful program.

Rajah 4. Ulasan dari pengguna *FB Page*



4. Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatan menunjukkan pelajar yang mengambil kursus FYP bersetuju dengan semua pembolehubah dalam soal selidik. Purata min melebihi 4.00 menunjukkan pengguna bersetuju bahawa halaman itu membantu mereka untuk mempunyai sikap yang lebih baik terhadap pembelajaran kemahiran menulis penyelidikan, meningkatkan kemahiran menulis penyelidikan mereka, bekerjasama dalam pembelajaran kolaboratif dan mempunyai niat untuk menggunakan media sosial sebagai platform pembelajaran. Dimensi kepuasan pengguna yang diuji dalam soal selidik juga menunjukkan majoriti bersetuju bahawa platform membantu proses pembelajaran dan memudahkan. Namun kajian ini masih perlu diuji pada responden yang lebih besar dan ramai. Dari segi generalisasi, kajian ini menepati keperluan responden yang terlibat sahaja dan tidak mewakili keseluruhan populasi pengguna FB Page tersebut. Kajian yang lebih komprehensif perlu dilakukan dimasa akan datang.

Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan *FB page* atau media sosial boleh membantu pelajar untuk berinteraksi dan mencipta pengalaman belajar tersendiri. Media sosial terutamanya dalam kes ini *FB page* yang dibangunkan mengandungi data terkini mengenai pelbagai aspek dan maklumat terkini dalam meningkatkan kemahiran menulis. Pelajar berpeluang meninjau dan melihat perkara baharu secara dalam talian dan dalam ruang peribadi mereka. Dari perspektif pedagogi, *FB page* adalah cara yang berkesan untuk pelajar bermotivasi untuk mendapatkan bahan berkaitan kandungan kursus mereka sendiri, berkongsi kandungan dan idea mereka mengenainya dalam forum awam, serta berinteraksi dan melibatkan diri secara tidak formal di luar bilik darjah. Platform media sosial seperti *FB page* kini tersedia sebagai alat pengajaran yang akan mempromosikan pembelajaran hibrid. Penggunaan media sosial mengubah corak pembelajaran dalam masyarakat dan trend ke laluan yang lebih cekap dan pantas. Medium ini menjadi penting sebagai alat komunikasi dan pengumpulan maklumat dalam sistem pedagogi, terutamanya dalam bidang penyelidikan. Oleh itu kajian ini mengesyorkan:

- i. Penggunaan *FB Page* sebagai medium pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan komuniti TVET kerana ianya murah dan menjimatkan masa sebagai medium komunikasi untuk berkongsi idea dan dokumen projek,
- ii. Penyediaan platform rangkaian sosial berdasarkan TVET bertujuan untuk menyediakan maklumat yang boleh disahkan untuk pelajar TVET,
- iii. Penggunaan medium dalam talian untuk pelajar TVET untuk menggalakkan pendigitalan penyelidikan dan prosedurnya.



Rujukan

- AbuSa'aleek, A.O. (2015). Students' Perceptions of English Language Learning in the Facebook Context. *Teaching English with Technology*, 15(4), 60-75, <http://www.tewtjournal.org>
- Aldahdouh TZ, Nokelainen P, & Korhonen V. (2020). Technology and Social Media Usage in Higher Education: The Influence of Individual Innovativeness. *SAGE Open*. doi:[10.1177/2158244019899441](https://doi.org/10.1177/2158244019899441)
- Al-Daihani, S. M., Al-Qallaf, J. S., AlSaheeb, S. A. (2018). Use of social media by social science academics for scholarly communication. *Global Knowledge, Memory and Communication*, 67(6/7), 412–424. <https://doi.org/10.1108/GKMC-11-2017-0091>
- Algomaizy, Hamad & Sharadgah, Talha. (2020). Social Networking Sites as an Educational Tool: The Facebook Group Feature as an Alternative to Learning Management Systems in Teaching and Learning. *International Journal of Educational Sciences*. 30. 59-70.
- Ataie,F., Shah,A.,& Mior Nazir, M.N. (2015).Collaborative learning, using Facebook's page and Groups. *International Journal of Computer System*, 02(02), 47-52.
- Jamal Abdul N, A & Nawab Ali Khan (2020). Exploring the role of social media in collaborative learning the new domain of learning. *Smart Learning Environments* 7(9), 1-16 <https://doi.org/10.1186/s40561-020-00118-7>
- Kim, B. (2011). Understanding antecedents of continuance intention in social-networking services. *Cyberpsychology, Behavior and Social Networking*, 14(4),199-205.
- So, J., & Brush, T. (2008). Student perceptions of collaborative learning, social presence and satisfaction in a blended learning environment: Relationships and critical factors. *Computers & Education*, 51(1), 318–336
- Zheng, W., Ma, Y.-Y., & Lin, H.-L. (2021). Research on Blended Learning in Physical Education During the COVID-19 Pandemic: A Case Study of Chinese Students. *SAGE Open*. <https://doi.org/10.1177/21582440211058196>
- Bayyat, M. (2020). Blended learning: A new approach to teach ballet technique for undergraduate students. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 21(2), 69–86.
- Giannikas, C. (2020). Facebook in tertiary education: The impact of social media in e-Learning. *Journal of University Teaching & Learning Practice*, 17(1). <https://ro.uow.edu.au/jutlp/vol17/iss1/3>
- Han, F. & Ellis, R.A. (2021) Patterns of student collaborative learning in blended course designs based on their learning orientations: a student approaches to learning perspective. *Int J Educ Technol High Educ* 18, 66. <https://doi.org/10.1186/s41239-021-00303-9>
- Mark B. U, & William F. P, (2021). Facebook as an integrated online learning support application during the COVID19 pandemic: Thai university students' experiences and perspectives,*Heliyon*, 7(11), <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e08317>